

BERITA ONLINE

BERNAMA

TARIKH: 14 MAC 2022 (ISNIN)



13 perjanjian usaha sama bernilai RM107 juta dimeterai pada MCY 2021



Kredit: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)



14/03/2022 08:50 PM

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) – Sebanyak 13 perjanjian usaha sama bernilai RM107 juta ditandatangani pada Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit) 2021 baru-baru ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam kenyataannya hari ini mengumumkan kerjasama itu membabitkan produk, teknologi serta perkhidmatan dalam bidang bioteknologi/agrikultur, sains perubatan dan kesihatan, teknologi industri/kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta robotik.

Perjanjian itu membabitkan enam Memorandum Persetujuan (MoA) dan tujuh Memorandum Persefahaman (MoU) daripada 22 organisasi kerajaan dan swasta.

Antara organisasi terlibat ialah Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dan Haji Md Nor bin Haji Abd Rahman (M) Sdn Bhd; Sekretariat Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) dan Construction Research Institute of Malaysia (CREAM); One Team Networks Sdn Bhd dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT); Skyscraper Airhydro Industries Sdn Bhd dan Talam Transform Berhad.

Airestec Innovations Sdn Bhd dan Universiti Malaysia Pahang (UMP); YJack Technology Sdn Bhd dan Nazbel Engineering & Technology Ltd, Bangladesh; Tech Capital Resources Sdn Bhd dan IoT Sata Sdn Bhd dan Revoganix Sdn Bhd dan Nets Eco Venture Sdn Bhd.

"Program Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) yang dilaksanakan sejak 2016 hingga 2021 itu telah berjaya membantu mengkomersialkan 434 produk, teknologi dan perkhidmatan ke pasaran tempatan serta antarabangsa dengan nilai jualan melebihi RM476 juta.

"Pemeteraian MoA dan MoU dalam MCY Summit 2021 turut membuktikan ekosistem pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) kekal relevan, selain pembangunan industri R&D tempatan yang mampan dan berdaya saing berlaku seiring dengan keperluan teknologi serta aspirasi Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi menjelang 2030," menurut kenyataan itu.

MCY Summit 2021 yang berlangsung selama dua hari bermula 10 Mac lepas, mengiktiraf pencapaian penyelidik dan usahawan teknologi tempatan, di samping mempromosikan pelbagai inisiatif yang sedang dijalankan oleh MOSTI untuk manfaat Keluarga Malaysia.

-- BERNAMA